

Kembara Busking Kelab Busker UMS ke Aswara

UB 11.7.2019 B2

KUALA LUMPUR: Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Kelab Busker UMS mengadakan Kembara 'Busking' ke Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (Aswara) di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Diantara objektif kembara ini adalah untuk menimba ilmu mengenai seni budaya terutama dalam bidang seni muzik dan mendapatkan maklumat penting mengenai Aswara dan fungsinya.

Aswara adalah satu-satu-


nya institusi pengajian tinggi dalam bidang persembahan yang didokongi sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia dibawah Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia.

Ini sebuah institusi pengajian tinggi yang menyediakan ruang pembelajaran, penyelidikan dan penerbitan akademik serta khidmat nasihat profesional dalam bidang seni budaya dan warisan, bertujuan menghasilkan

seniman yang mahir dan karyawan berwibawa dalam bidangnya disamping memantapkan kesinambungan warisan seni negara.

Pada prinsipnya Aswara menumpukan kepada pendidikan seni bagi melahirkan 'performers' yang berilmu dan profesional bagi mengisi industri seni negara.

Seramai empat orang ahli Kelab Busker UMS bersama Penyelaras Abdul Haidy Abdul Hamid menyertai kembara berkenaan.



SESI bergambar Kelab Busker UMS di Aswara Kuala Lumpur.